

Upin & Ipin ke-5 di dunia

Metro 11/12 MS 11

Catat rekod laman facebook tempatan paling dilawati serta dikongsi sepanjang tahun lalu

>>Oleh Salman Hamat

salman@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Siri animasi Upin & Ipin mencatat sejarah tersendiri apabila tersenarai sebagai satu-satunya laman sosial facebook tempatan paling banyak dilawati serta dikongsi sepanjang tahun lalu dengan menduduki tangga kelima di dunia mengalahkan siri animasi antarabangsa seperti Doraemon dan Sponge Bob. Mengikut sumber facebook, kedudukan itu bagi Kategori Hiburan di bawah subkategori karakter fiksiyen didahului dengan Dr House yang dilawati 22,828,438 pelawat, Mr Bean (16,633,297), Dory (14,184,410), Patrick Star (10,959,651) dan Upin & Ipin (5,442,386).

Pengarah Web Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



POPULAR...animasi pasangan kembar, Upin & Ipin digemari ramai.

Skudai di sini, Dr Nor Azman Ismail berkata, kedudukan itu berdasarkan maklumat diperoleh daripada facebook

sepanjang 2011.

“Kedudukan itu menunjukkan pertambahan pengguna facebook dalam negara serta

kejayaan animasi tempatan untuk meraih populariti paling tinggi.

“Selain peminat tempatan,

ia hasil peminat dari Indonesia yang turut meminati watak Upin & Ipin yang disiarkan di negara mereka.

“Kiraan populariti itu dijalankan berdasarkan jumlah peminat yang melayari facebook berkenaan serta dikongsi dalam tempoh singkat di seluruh dunia,” katanya, semalam.

Watak Upin & Ipin ialah tajuk bagi siri animasi tayangan singkat dihasilkan syarikat animasi Les' Copaque di Malaysia.

La disiarkan pada Ramadan 2007 di TV9 (Malaysia) dengan tujuan mendidik kanak-kanak supaya menghayati erti bulan mulia berkenaan.

Sambutan hebat terhadap siri animasi pendek itu menyebabkan Les' Copaque menerbitkan satu lagi musim baru dengan 12 episod sem-

pena Ramadan dan Aidilfitri pada 2008.

Amat membanggakan apabila pada musim pertama, Upin & Ipin memenangi anugerah Animasi Terbaik pada Festival Filem Antarabangsa Kuala Lumpur 2007.

Hasil perkembangan serta peminat yang semakin bertambah, Upin & Ipin kini menjangkau lima musim siaran dan tidak terhad pada siaran televisyen malah didedarkan dalam bentuk Video Cakera Digital (DVD).

Animasi Upin dan Ipin berkisar mengenai sepasang adik-beradik kembar yang belajar di sebuah tadika serta tinggal bersama kakak mereka dan Opah di Kampung Durian Runtuh.

Antara karakter utama yang turut mewarnai Upin & Ipin ialah Mei Mei, Jarjit Singh, Ehsan, Fizi dan Mael.